

Penggunaan Classkick Bagi Meningkatkan Penjanaan Idea bagi PdP Kemahiran Interaksi Lisan

Rositah Yusof

rositah_yusof@schools.gov.sg

Ari Sutanti

ari_sutanti_haji_mupan@schools.gov.sg

Sekolah Menengah Pei Hwa

Abstrak

Profil pelajar yang lebih cenderung menjawab soalan dengan ringkas tanpa meluaskan idea dengan jelas dan koheren menghambat mereka daripada mendapat markah yang cemerlang untuk bahagian interaksi lisan. Para pelajar hanya mampu menjana idea tanpa berfikir dengan kritis. Sebahagian besar pelajar hanya mampu menjana idea secara dasar tanpa meluaskan idea dengan jelas dan koheren. Hal tersebut mencerminkan kelemahan mereka untuk berfikir secara kritis. Contoh-contoh yang jarang diselitkan semasa respons mereka menjadikannya lebih sukar untuk memahami idea yang cuba diketengahkan. Hal ini menghambat mereka daripada mendapat markah cemerlang untuk bahagian perbualan. Strategi pengajaran yang digunakan merupakan gabungan beberapa teknik seperti 5W1H dan PEEL. Peranti *Classkick* telah digunakan untuk memupuk interaksi antara pelajar dan guru dalam proses pembelajaran. Berdasarkan dapatan kajian didapati selepas usaha ini dijalankan pembelajaran interaksi lisan pelajar lebih terarah. Guru dapat memantau hasil kerja pelajar dan memberikan maklum balas dalam talian.

Kata Kunci: interaksi lisan, idea, kritis, ICT, *Classkick*



PENGENALAN

Falsafah Pendidikan Singapura yang dinyatakan dalam Amalan Pengajaran Singapura (STP) menerangkan pegangan teras pendidik kita tentang pelajar kita, dan bagaimana kita meletakkan mereka sebagai tumpuan atau pusat dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Penggunaan ICT juga telah disarankan agar diperluas bagi PdP.

Selaras dengan matlamat di atas, kajian ini bertujuan untuk mengukuhkan kemahiran lisan pelajar. Berdasarkan tinjauan, pelajar menghadapi kesukaran dalam mengembangkan isi dengan jelas dan koheren. Pelajar didapati memberikan jawapan secara ringkas sahaja. Guru berpendapat masalah timbul kerana pelajar tiada struktur yang boleh digunakan sebagai panduan meluaskan isi utama.

Satu strategi pembelajaran lisan telah diperkenalkan dan digunakan untuk membantu pelajar mengembangkan isi utama. Strategi ini merupakan perancah yang membimbing pelajar untuk mengembangkan isi secara berstruktur. ICT digunakan untuk merangsang minat pelajar menyusun penerangan dan contoh.

PERNYATAAN MASALAH

Para pelajar Menengah 3 Ekspres (3E) di Sekolah Menengah Pei Hwa sering menghadapi masalah pada bahagian perbualan dalam peperiksaan lisan. Sebahagian besar hanya mampu menjana idea selapis tanpa berupaya untuk memperluas idea dengan jelas dan koheren. Guru-guru di Sekolah Menengah Pei Hwa berpendapat bahawa para pelajar memerlukan masa yang lebih bagi mempersiapkan diri untuk komponen lisan dalam peperiksaan lisan. Bertolak daripada permasalahan tersebut, kajian ini berhasrat untuk menggunakan ICT sebagai pelantar untuk mendekati pelajar dan membina struktur bimbingan yang rapi bersama mereka. Guru-guru turut ingin melakarkan strategi yang bersesuaian dengan membangunkan keupayaan pelajar dalam mengembangkan ayat utama mereka.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan dengan tujuan untuk:

1. membina kemampuan pelajar bagi memperluaskan isi utama bagi kemahiran interaksi lisan; dan



2. meneliti keberkesanan peranti *classkick* bagi meningkatkan kemahiran interaksi lisan pelajar.

KAJIAN LEPAS

Kementerian Pendidikan telah mula memperkenalkan dan menggalakkan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di sekolah sejak tahun 1997. ICT digunakan sebagai wadah membentuk para pelajar yang mempunyai kecekapan abad ke-21. Ia telah diterima sebagai sesuatu alat pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru-guru dan para pelajar. Lanjutan daripada inisiatif ini, kajian ini menggunakan pelantar *Classkick* sebagai sesuatu alat untuk membantu pelajar.

Merujuk kajian yang telah dijalankan Passey, Rogers, Machell, McHugh dan Allaway (2003), penggunaan ICT mempunyai impak positif terhadap motivasi pelajar. Kajian tersebut mendapati bahawa pelajar lebih terlibat dan responsif terhadap pengajaran guru apabila ICT dapat digunakan untuk menyelesaikan sesuatu aktiviti demi mencapai objektif pembelajaran. Berdasarkan kajian tersebut, kajian ini menggunakan peranti *Classkick* agar dapat menarik minat pelajar untuk memperbaiki jawapan mereka dalam perbualan lisan.

Berdasarkan kajian Mocko, Lesser, Wagler dan Fancis (2017) pula, para pelajar mendapati bahawa mnemonik, yakni perkataan ringkas yang mudah diingati, dapat membantu mereka untuk mengingati konsep dengan lebih baik. 63.7% daripada pelajar yang terlibat dalam kajian tersebut menyatakan bahawa mnemonik yang ringkas telah membantu mereka untuk mengekalkan maklumat dalam ingatan. Kajian ini menggunakan mnemonik, iaitu PEEL dan 5W1H untuk membantu para pelajar mengingati struktur yang perlu digunakan dalam lisan agar dapat menghasilkan jawapan yang bermutu.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk gabungan antara kajian kuantitatif dan kualitatif. Selain itu, kajian ini turut berlangsung dalam jangka waktu yang terhad, yakni selama 5-6 bulan di samping mengambil masa sebanyak enam sesi pengajaran. Kajian yang dijalankan melalui tiga peringkat utama, yakni prapembelajaran, pelaksanaan pembelajaran dan pascapembelajaran, serta melibatkan 10 orang pelajar daripada Menengah 2E dan 10 orang pelajar daripada Menengah 3E. Selain itu, kajian ini turut menerapkan elemen STP. Aspek pengajaran (AP) yang di kenal pasti seperti AP16, iaitu menggunakan fleksibiliti dan AP21, iaitu menyokong pembelajaran secara sendiri. Rujuk Jadual 1.



Jadual 1: Penerapan Amalan Pengajaran Singapura

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar
Pelaksanaan Pelajaran	AP 16: Menggunakan Fleksibiliti	AM 4: Menangani Pelajar yang Tidak Memberikan Respons Classkick memastikan setiap pelajar memberikan respons. Keupayaan guru untuk memantau kerja pelajar secara langsung turut memberikan peluang kepada guru untuk memberikan maklum balas awal semasa sesi pengajaran berlangsung.
Penilaian dan Maklum Balas	AP 21: Menyokong Pembelajaran Secara Kendiri	AM 4: Perbincangan Forum dalam Talian Berstruktur Classkick membolehkan pelajar untuk memberikan maklum balas kepada rakan-rakan mereka di samping membangunkan wacana yang positif.
Penerangan dan Justifikasi	<p>Pelajaran yang berlangsung berteraskan AP16 yang menekankan kepentingan guru mengetahui latar belakang dan pilihan pembelajaran pelajar dalam memberikan respons yang bersesuaian dengan keperluan mereka.</p> <p>Dalam hal ini, <i>Classkick</i> merupakan alat alternatif yang mudah digunakan di samping memberikan kesan yang positif dalam pembelajaran. Hal ini mewujudkan persekitaran pembelajaran yang selamat dan menunjukkan bahawa guru memberikan harapan positif dalam diri pelajar dan menggalakkan keyakinan diri sendiri.</p> <p>Selain itu, <i>Classkick</i> memberikan peluang untuk guru memantau perkembangan pelajar secara langsung dan menghulurkan bantuan tambahan apabila perlu.</p>	

Subjek Kajian

Kumpulan sasaran terdiri daripada 10 orang pelajar Menengah 2 Ekspres (2E) dan 10 orang pelajar 3 Ekspres (3E). Golongan pelajar tersebut merupakan gabungan profil atas, sederhana dan rendah. Ramai di antara mereka menggunakan campuran bahasa Melayu dan Inggeris di rumah.

Instrumen Kajian

Wahana teknologi telah digunakan dalam pembelajaran lisan ini dengan tujuan untuk meluaskan isi utama. Kajian ini telah menggunakan aplikasi *ICT Classkick*. Pembelajaran telah dijalankan di makmal komputer.

Classkick merupakan alat penilaian formatif yang membolehkan guru untuk mencipta pengajaran dan tugas yang boleh diterokai pelajar pada bila-bila masa. Guru boleh menilai perkembangan pelajar secara langsung dan memberikan maklum balas awal. Di samping menerima bantuan dan maklum balas daripada guru, *Classkick* membolehkan pelajar untuk menerima bantuan daripada rakan-rakan mereka.

Prosedur Kajian

Kajian ini telah dilaksanakan dalam enam masa pengajaran (35 minit untuk setiap waktu pengajaran di dalam kelas). Tambahan lagi, para pelajar memperhalusi hasil kerja mereka selama sejam di rumah. Tiga langkah telah dijalankan; iaitu prapembelajaran, pelaksanaan pembelajaran dan pascapembelajaran.

Langkah 1: Prapembelajaran

1. Pelajar diminta untuk melakar jawapan lisan tanpa bimbingan guru.
2. Pelajar mempelajari cara-cara menggunakan aplikasi *Classkick*.

Pelajar diminta untuk membuat lakaran tanpa bimbingan guru agar perbandingan boleh dilakukan untuk mengetahui keberkesanan pelantar *Classkick*. Selain daripada itu, aplikasi *Classkick* digunakan untuk membolehkan guru memberikan maklum balas kepada pelajar secara spontan. Aplikasi ini juga membolehkan pelajar berkongsi jawapan bersama rakan mereka.

Langkah 2: Pelaksanaan Pembelajaran

1. Pelajar mempelajari struktur 5W1H dan PEEL.
2. Pelajar menggunakan pelantar *Classkick*.
3. Guru menayangkan video dan memberi arahan untuk menjawab beberapa soalan. Soalan-soalan yang dikemukakan berkaitan dengan video.
4. Pelajar menjawab soalan-soalan dengan menggunakan struktur 5W1H dan PEEL untuk mengembangkan isi utama.
5. Pelajar menggunakan pelbagai warna untuk membezakan struktur 5W1H dan PEEL.

Strategi struktur 5W1H dan PEEL digunakan agar pelajar dapat mengembangkan isi utama mereka secara sistematik. *Classkick* membenarkan pelajar untuk mengakses video dan menjawab soalan berkali-kali secara bebas. Guru juga dapat memberi maklum balas kepada pelajar secara spontan. Pelbagai warna digunakan untuk mengenal pasti komponen-komponen yang diperlukan berdasarkan struktur.



Langkah 3: Paspapembelajaran

1. Pelajar memperhalusi hasil kerja mereka di rumah.
2. Pelajar menyelesaikan tinjauan di pelantar *Google Form*.

Maklum balas pelajar diminta dengan menggunakan tinjauan melalui pelantar *Google Form*. Soalan-soalan dikemukakan untuk mengetahui masalah pelajar dalam mengembangkan isi utama, keberkesanan aplikasi *Classkick* dalam memudahkan pelajar berkongsi idea dengan rakan dan guru dan dalam menyediakan suasana pembelajaran yang menyeronokkan. Berikut merupakan soalan-soalan yang diajukan kepada para pelajar.


Jadual 2: Senarai Soalan untuk Pelajar

No.	Soalan
1	Adakah kamu menghadapi masalah mengembangkan isi utama untuk lisan? Ya atau tidak?
2	Adakah strategi PEEL membantu kamu untuk mengembangkan isi utama? Ya atau tidak?
3	Adakah strategi 5W1H membantu kamu untuk mengembangkan isi utama? Ya atau tidak?
4	Saya pernah menggunakan aplikasi <i>Classkick</i> . Ya atau tidak?
5	Saya gemar menggunakan aplikasi <i>Classkick</i> . Ya atau tidak?
6	Berikan satu sebab kamu gemar atau tidak gemar menggunakan aplikasi <i>Classkick</i> .


DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan tinjauan yang dilakukan, 60% pelajar menengah 2E dan 3E menghadapi kesukaran mengembangkan isi utama. Hal tersebut berlaku kerana pelajar tidak mempunyai struktur yang boleh diikuti, menjadikan jawapan mereka terlalu bebas. Pelajar juga sering beranggapan bahawa jawapan yang diberi memadai. Dengan struktur 5W1H dan PEEL, jawapan pelajar lebih terarah. Contohnya, dengan menggunakan strategi 5W1H, pelajar dapat mengikuti langkah demi langkah untuk memberi jawapan yang lebih lengkap. Strategi PEEL membantu pelajar menyusun jawapan agar lebih teratur. Berdasarkan tinjauan yang dijalankan, majoriti pelajar menggemari aplikasi *Classkick* kerana mesra pengguna. *Classkick* juga membenarkan guru-guru untuk memberi maklum balas awal dan akhir.

Rajah 1: Tinjauan Berdasarkan Lisan



Rajah 2: Contoh Hasil Kerja Pelajar



KESIMPULAN

Berdasarkan tugas pelajar, guru mendapati pelajar kini dapat meluaskan isi utama mereka dengan jelas dan koheren. Penggunaan struktur 5W1H dan PEEL diaplikasikan melalui penggunaan pelbagai warna. Melalui cara



ini, pelajar dapat mengekalkan strategi ini agar dapat meluaskan jawapan mereka dengan berkesan. Sebagai langkah selanjutnya, guru akan meluaskan penggunaan strategi PEEL kepada latihan bertema dan mengutarakan idea secara lisan. Akhir sekali, sasaran guru agar pelajar dapat menggunakan struktur PEEL untuk bertutur dengan lancar dan koheren.

RUJUKAN

Barker, N. (2014). *Lesson 3 – Thesis Statement and PEEL Method /Writing*. EdTech 506. Dipetik daripada <https://tinyurl.com/ycnuy42j>

Ministry of Education (2018). *ICT Masterplans in the Singapore Education System*. Dipetik daripada <https://tinyurl.com/yap8dsy6>

Mocko M, Lesser L, Wagler A, dan Fancis W. (2017). *Assessing Effectiveness of Mnemonics for Tertiary Students in a Hybrid Introductory Statistics Course*. Dipetik daripada <https://tinyurl.com/yala8bal>

Passey D, Rogers C, Machell J, McHugh G dan Allaway D. Department of Educational Research Lancaster University (2003). *The Motivational Effect of ICT on Pupils*. Dipetik daripada <https://tinyurl.com/y7gn8bwq>

Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). *Amalan pengajaran Singapura*. Singapura: Oxford Graphic Pte Ltd.

